

22 NOV 2000

DR MAHATHIR AKAN JUMPA ZHU, MORI SEMASA SIDANG KEMUNCAK ASEAN

SINGAPURA, 22 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan mesyuarat dua hala dengan beberapa pemimpin Asia pada acara sampingan sidang kemuncak tidak formal Asean di sini, menurut seorang pegawai Malaysia.

Dr Mahathir yang tiba esok bagi sidang kemuncak yang dijadualkan pada Jumaat dan Sabtu, akan mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri China Zhu Rongji pada Jumaat dan rakan sejawatannya dari Jepun Yoshiro Mori pada Sabtu.

Mori yang berjaya mengatasi undi tidak percaya di tanah air, dijadual akan melawat Malaysia selepas sidang kemuncak di sini bagaimanapun kunjungan itu telah dibatalkan.

Dr Mahathir juga dijangka akan mengadakan pertemuan dua hala dengan beberapa pemimpin Asean lain.

-- BERNAMA
TCL RHM RON